

26 NOV 1998

Mahathir-Anugerah (bergambar)

MAHATHIR TERIMA ANUGERAH IT

PETALING JAYA, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menerima Anugerah Teknologi Maklumat (IT) Pertubuhan Industri Komputer Asia-Oceania (Asocio) 1998 di atas sumbangannya kepada pembangunan industri IT di Malaysia.

Anugerah itu disampaikan kepada beliau oleh Presiden Asocio, Dr F.C. Kohli pada majlis makan malam anjuran Asocio bersama Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) di sini.

Anugerah itu diberi kepada tokoh di sesebuah negara tuan rumah Asocio yang telah memberi sumbangan yang signifikan kepada industri teknologi di negara berkenaan dan kedudukan industri IT di rantau Asocio.

Dalam ucapan jasa, Dr Mahathir disifatkan sebagai tokoh yang telah memberi contoh bertaraf dunia mengenai bagaimana seorang negarawan yang mempunyai wawasan yang berani boleh mempromosikan IT.

"Anda telah menggunakan tenaga anda sepenuhnya untuk menggalakkan IT sebagai industri pertumbuhan yang baru bagi Malaysia," kata ucapan jasa itu.

Ia menambah, Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan sahaja menjadi kawasan pengeluaran teknologi tinggi yang kondusif, bahkan Dr Mahathir juga telah menawarkannya sebagai tapak ujian bagi industri IT dunia bertemu dan membuat pembaharuan.

Dalam satu kenyataan, pengerusi Pikom, Shaifubahrim Saleh, berkata Dr Mahathir telah memberi contoh kelas dunia bagaimana seorang negarawan yang mempunyai wawasan yang berani boleh mempromosikan IT.

"Bagi sumbangannya kepada pembangunan industri IT tempatan melalui inisiatif-inisiatif seperti Koridor Raya Multimedia dan Agenda IT Kebangsaan, adalah wajar Asocio memberi penghargaan kepada beliau di atas usaha-usahanya yang terpuji itu," katanya.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sebelum itu, Asocio mengadakan perhimpunan agung dan simposium tahunannya yang dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Asocio ditubuhkan pada tahun 1984 dengan dianggotai oleh 10 negara - Australia, Indonesia, Thailand, Taiwan, Korea Selatan, New Zealand, Jepun, India, Malaysia dan Singapura.

Asocio juga mempunyai anggota bersekutu, iaitu Bangladesh, Nepal, Mongolia, Filipina dan Sri Lanka; dan anggota tetamu mengandungi United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Sepanyol dan Perancis.

--BERNAMA

ES WAT